



**KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD**  
No 31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU  
Jalan Hiliran  
21000 Kuala Terengganu  
Terengganu

Tel: +609-622 1881  
Faks: +609-626 4358  
Portal Rasmi: [www.koguru.my](http://www.koguru.my)



# **PROSPEKTUS SIMPANAN KHAS PELABURAN (MODAL AR RAHNU KOGURU)**

Ditubuhkan pada : 1965  
Sijil Pendaftaran No : 4128

**PROSPEKTUS SIMPANAN KHAS PELABURAN**  
**(MODAL AR RAHNU KOGURU)**  
**KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD**

**PENGENALAN PRODUK :**

Ar Rahnu sebagai alternatif kepada anggota dan orang ramai untuk memenuhi keperluan tunai secara cepat melalui transaksi gadaian yang berlandaskan hukum syarak. Fungsi utama perkhidmatan adalah menguruskan gadaian dan cagaran barangan kemas bagi mendapatkan bayaran tunai atau upah simpan barang kemas. Kini, sebanyak 7 perniagaan Ar Rahnu yang sedang beroperasi iaitu Ar Rahnu Induk (2015), Ar Rahnu Besut (2018), Ar Rahnu Kemaman ( 2019), Ar Rahnu Manir ( 2021 ) , Ar Rahnu Batu Rakit (2022), Ar Rahnu Bukit Payong (2022) dan Ar Rahnu Tok Molor (2022). Perolehan pendapatan atas keuntungan tawarruq, upah simpan dan lain-lain caj yang diterima semakin bertambah.

Koperasi bersetuju secara dasarnya akan membuka satu lagi cawangan Ar Rahnu di Wakaf Tapai khusus menggunakan sepenuhnya modal daripada Simpanan Khas Pelaburan (Modal Ar Rahnu KOGURU). Kawasan ini sangatlah strategik bagi pembukaan baru Ar Rahnu kerana di kawasan ini masih belum mempunyai perniagaan Ar Rahnu. Selain itu, cadangan pembukaan cawangan baru di Wakaf Tapai, Mukim Marang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada sebilangan besar anggota koperasi dan masyarakat setempat. Di samping itu, memperluaskan perniagaan sedia ada dan perniagaan Ar Rahnu bagi meningkatkan perkhidmatan dan keuntungan koperasi serta memudahkan anggota kawasan Marang/ Hulu Terengganu untuk berurusan dengan KOGURU tanpa perlu pergi ke Kuala Terengganu.

Kesimpulannya pembukaan cawangan Ar Rahnu di Wakaf Tapai amat perlu dimanfaatkan memandangkan kapasiti masyarakat yang begitu ramai dan perkhidmatan yang lebih efisien amat diperlukan. Pembukaan cawangan Ar Rahnu ini memberi peluang kepada anggota untuk melabur dan mendapatkan pulangan yang memuaskan. Adalah diharapkan dengan pembukaan cawangan Ar Rahnu baru ini akan menjadi model kepada pembukaan cawangan Ar Rahnu lain yang seterusnya.



## 1. DATA PENTING SIMPANAN KHAS PELABURAN (MODAL AR RAHNU KOGURU)

- 1.1. Mengadakan Simpanan Khas Pelaburan ini dengan cara mengumpulkan wang daripada Anggota-anggota bagi membiayai projek pelaburan (Modal Ar Rahnu KOGURU) sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja);
- 1.2. Melabur bagi meningkatkan ekonomi Anggota-anggota melalui pelaburan;
- 1.3. Memberi peluang kepada anggota yang berminat terlibat secara langsung dalam aktiviti ini;
- 1.4. Membantu Koperasi bagi mendapatkan tambahan modal dalam melaksanakan projek;
- 1.5. Tempoh simpanan khas pelaburan ini sah sehingga 10 tahun sahaja dan tempoh ini boleh diperbaharui sekiranya diperlukan pada masa hadapan;
- 1.6. Tarikh pelancaran : **01 Oktober 2023**;
- 1.7. **Objektif** pelaburan dana bagi menjalankan aktiviti di bawah Undang-undang Kecil Seksyen 8 dan 9 (ii) Koperasi bagi menjana pulangan yang mampan dan berdaya saing untuk pendeposit daripada keuntungan modal/ dividen, dengan mengambil kira tahap risiko yang setimpal dengan pasaran semasa. Selain itu, melabur dalam pelaburan yang kukuh, berhemat dan selamat untuk memastikan pulangan setanding pasaran sambil memastikan pertumbuhan yang berterusan;
- 1.8. Strategi utama Koperasi ialah Pihak Pengurusan KOGURU seboleh-bolehnya menjalankan sendiri projek-projek yang dilaksanakan di bawah Simpanan Khas Pelaburan Anggota, semua transaksi dan perjanjian yang berkaitan dengannya serta sentiasa membuat pemantauan setiap bulan bagi prestasi pelaburan ini. **Sila rujuk Lampiran 3 bermula di muka surat 17**;
- 1.9. Ringkasan mengenai Risiko pelaburan ini adalah keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil boleh menjejaskan peluang pelaburan oleh koperasi. **Sila lihat “faktor-**

### **faktor risiko Rujuk Lampiran 1;**

- 1.10. Dasar pengagihan  
Keuntungan bersih Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini setelah ditolak perkara di fasal 3.1 aturan ini hendaklah dibahagikan mengikut modal pelaburan masing-masing dengan nisbah;
- 1.11. Peserta minimum 3.0% atau tertakluk kelulusan Anggota Lembaga dan keuntungan daripada Ar Rahnu;
- 1.12. Kaedah pembahagian keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini tidak tertakluk kepada kehendak Undang-undang Kecil 71 dan 72 Koperasi ini;
- 1.13. Pengiraan bayaran keuntungan adalah dengan pengiraan baki terendah setiap bulan dan setelah ditolak dengan belanja pengurusan;
- 1.14. Peserta Simpanan Khas Pelaburan Anggota akan terikat dengan aturan ini; dan
- 1.15. Had maksimum modal Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini adalah sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja) dan dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi dan boleh dipinda dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi serta dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

## **2. SYARAT PENYERTAAN DAN FI**

- 2.1. Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:
  - 2.1.1 Setiap peserta hendaklah melabur di dalam Simpanan Khas Pelaburan Anggota sekurang-kurangnya RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) dengan kadar maksimum RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu Sahaja; dan
  - 2.1.2 Penyertaan akan ditutup sekiranya modal Simpanan Khas Pelaburan Anggota yang dilabur mencapai RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja).
- 2.2. Permohonan bagi menyertai Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan yang ditetapkan;
- 2.3. Tempoh minimum pelaburan ini adalah (12) Dua Belas Bulan;
- 2.4. Tiada bayaran keuntungan akan dibayar sekiranya simpanan tidak mencapai tempoh minima;
- 2.5. Fi tidak dikenakan ke atas pelabur apabila melabur dalam dana; dan
- 2.6. Caj mungkin boleh dirundingkan di masa akan datang apabila membeli dan menebus dana.

### 3. PESERTA SIMPANAN KHAS PELABURAN

Penyertaan dalam Simpanan Khas Pelaburan ini terbuka kepada:

- 3.1. Anggota-anggota Koperasi ini;
- 3.2. Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad;
- 3.3. Sijil pemilikan Simpanan Khas Pelaburan akan dikeluarkan kepada setiap pelabur, dan setiap sijil akan disediakan tarikh berurusan;
- 3.4. Peserta boleh berurusan bagi mendapat khidmat nasihat di kaunter KOGURU;
- 3.5. Risalah pengiklanan simpanan khas;

**KOGURU**

**SIMPANAN KHAS PELABURAN AR RAHNU**

Minimum **RM1,000** Maksimum **RM10,000**

Pulangan Tahunan **3.0%** Minimum

Tempoh Minimum 12 Bulan | Pematuhan Syariah | Pulangan Pelaburan Tahunan

Hubungi kami 09-622 1881 | koguru.terengganu@gmail.com | www.koguru.my

- 3.5. “pelabur dinasihatkan untuk memberi pertimbangan wajar terhadap caj yang dikenakan sebelum melabur dalam sesuatu dana”;
- 3.6. “Harga dan bayaran pengagihan, sekiranya ada boleh meningkat dan menurun mengikut peredaran semasa perniagaan”;
- 3.7. “untuk keterangan mengenai faktor risiko tertentu perlu dipertimbangkan oleh pelabur” sila rujuk Lampiran 1 bermula di muka surat 11-12;
- 3.8. “prestasi dana sebelum ini bukan penunjuk prestasi dana di masa hadapan”;
- 3.9. Simpanan Khas Pelaburan (SKP) dibuka kepada Anggota KOGURU sahaja;
- 3.10. Keuntungan akan dibayar dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh akhir matang;
- 3.11. Apabila SKP matang, Simpanan Khas Pelaburan (SKP) ini akan diperbaharui secara automatik;
- 3.12. Bagi pengeluaran SKP sebelum tarikh matang, penandatanganan perlu memberi notis 5 hari bekerja. Pihak Koperasi berhak untuk menolak, tanpa membayar apa-apa pengeluaran SKP sebelum tarikh matang sekiranya anggota tidak memberi notis 5 hari bekerja;

- 3.13. Bayaran akan dibuat kepada penandatanganan yang dibenarkan apabila SKP asal yang telah ditandatangani ditunjukkan; dan
- 3.14. SKP asal ini hendaklah disimpan di tempat yang selamat. Sekiranya SKP asal hilang/tersalah letak/rosak, penandatanganan hendaklah memaklumkan kepada pihak KOGURU dengan alasan yang munasabah. Bagaimanapun, pihak Koperasi berhak untuk menolak permohonan penandatanganan untuk pengeluaran hasil SKP atau memohon untuk SKP gantian. Keputusan pihak Koperasi adalah terakhir dan muktamad.

#### **4. SUMBER KEWANGAN ATAU DANA**

- 4.1. Sumber kewangan ini adalah daripada:
  - 4.1.1. Modal Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad;
  - 4.1.2. Simpanan Khas Pelaburan Anggota;
  - 4.1.3. Keuntungan perniagaan ini; dan
  - 4.1.4. Pembiayaan luar.
- 4.2. Had maksimum modal Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini adalah sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja) dan dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi dan boleh dipinda dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi serta dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- 4.3. Strategi pengurusan risiko Koperasi ialah dasar yang telah dilaksanakan bagi menjalankan aktiviti Ar Rahnu sebanyak 7 Cawangan sehingga Tahun 2023, ini menunjukkan bahawa KOGURU sangat berpengalaman dalam bidang Ar Rahnu selain mendapat nasihat dan pemantauan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ini dapat mengurangkan risiko kerugian yang dialami;
- 4.4. Penunjuk aras prestasi dana ini bergantung pada laporan bulanan Ar Rahnu yang dilaburkan dan setiap laporan ini dilaporkan di dalam laporan Tahunan Kewangan Koperasi;
- 4.5. Pelaburan dana ini meliputi seluruh aset yang dibekalkan kepada Ar Rahnu yang dilaburkan seperti :
  - a) Kelengkapan pejabat;
  - b) Alat Perabot;
  - c) Ubahsuai;
  - d) Aset-aset Peralatan;
  - e) Hawa dingin;

- f) Komputer; dan
- g) Mesin fotostat.

- 4.6. Penilaian bagi aset tertakluk kepada harga pasaran semasa serta hendaklah dinilai oleh penilai bertauliah; dan
- 4.7. Operasi Berasaskan Syariah.  
Pembiayaan yang ditawarkan di Koperasi merupakan pembiayaan yang berasaskan Syariah 'secara Tawarruq' supaya segala perjanjian antara anggota dan KOGURU adalah jelas.



## 5. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

- 5.1. Lembaga Koperasi ini adalah berkuasa di bawah Undang-Undang Kecil 49 melantik jika perlu sebuah jawatankuasa ini sekurang-kurangnya 3 (tiga) orang dan diberikan tanggungjawab mengurus dan mentadbir hal-ehwal Simpanan Khas Pelaburan Anggota;
- 5.2. Pengerusi jawatankuasa tabung hendaklah Pengerusi Koperasi ini. Lembaga Koperasi juga berkuasa melantik pengurus dan kakitangan bagi menjalankan pengurusan projek Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini; dan
- 5.3. Jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.

## 6. PENGURUSAN PELABURAN SIMPANAN KHAS

Merancang, menyelidik dan menyusun strategi bagi pembangunan Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini.

### 6.1. PENGURUSAN PELABURAN

6.1.1. Mengurus dan mentadbir perjalanan pelaburan

6.1.2. Mengawasi pelaksanaan pelaburan; dan

6.1.3. Mengadakan mesyuarat jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota dan menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Anggota Lembaga.

### 6.2. PENGURUSAN KEWANGAN

Bertanggungjawab dalam semua hal-ehwal kewangan;

6.2.1. Menyediakan akaun untung rugi untuk dikemukakan kepada Anggota Lembaga; dan

6.2.2. Menyediakan cadangan keuntungan dan laporan tanggungan untuk dikemukakan kepada Anggota Lembaga.

### 6.3. PENGURUSAN KAKITANGAN

6.3.1. Mendapatkan kakitangan yang kompeten sebagai penyelia projek jika perlu; dan

6.3.2. Mengawasi kakitangan dari segi kecekapan, kebajikan dan saraan.

### 6.4. PENASIHAT SYARIAH

6.4.1. Penasihat Syariah bagi Produk di Koperasi ini adalah **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad** atau **ANGKASA**

6.4.2. Tugas Penasihat ini adalah sentiasa membuat pemantauan ke atas Aktiviti Ar Rahn Koperasi agar sentiasa dalam pematuhan Syariah dan **Wajib** menyediakan Sijil serta Laporan Syariah setiap tahun. **Sila rujuk Lampiran 2 bermula di muka surat 13-16.**

### 6.5. ELAUN

Seorang Anggota Lembaga yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini boleh menerima elaun tetapi tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga.

### 6.6. FUNGSI PENGURUSAN DANA

Koperasi seboleh-bolehnya menjalankan sendiri projek-projek yang dilaksanakan di bawah Simpanan Khas Pelaburan Anggota dan semua transaksi dan perjanjian yang berkaitan dengannya.

### 6.7. CITRA

Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat di atas nama Koperasi dan dimeteraikan mengikut Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.



## **7. KAEDAH KEGUNAAN**

Cara penggunaan Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah seperti berikut:

- 7.1. Usaha sendiri oleh Koperasi;
- 7.2. Suntikan Modal kepada Ar Rahnu milik Koperasi; dan
- 7.3. Ketua Unit/Pengurus Ar Rahnu perlu membuat permohonan bertulis bagi menggunakan Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini.

## **8. LIABILITI**

Liabiliti kewangan projek dibawah Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah terhad kepada kewangan dan aset Simpanan Khas Pelaburan Anggota sahaja.

## **9. TAHUN KEWANGAN**

- 9.1. Tahun Kewangan Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah sama dengan tahun kewangan Koperasi;
- 9.2. Akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat berasingan dalam mana-mana bank yang ditentukan oleh Koperasi; dan
- 9.3. Kuasa menandatangani cek akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota ditentukan oleh Lembaga.

## **10. MENARIK DIRI DAN KEMATIAN**

- 10.1. Peserta Simpanan Khas Pelaburan Anggota boleh menarik diri dengan cara menjual syer mereka kepada anggota Koperasi atau kepada Koperasi ini dengan harga yang dinilai oleh Koperasi; dan
- 10.2. Jika berlaku kematian sepertimana peruntukan Undang-undang Kecil 21 (1) mereka juga disabit kepada Undang-Undang Kecil 19.

## **11. AUDIT**


- 11.1. Akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota boleh diaudit oleh Jawatankuasa Audit Dalaman dan hendaklah diaudit setiap tahun bersama-sama akaun induk Koperasi sepertimana kehendak Undang-undang kecil seksyen 74 (1);
- 11.2. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa yang dibawah Undang-undang kecil seksyen 58 Akta dan Undang-undang Kecil 54 Koperasi, untuk memeriksa Tabung ini; dan
- 11.3. Hendaklah dibentang kepada anggota koperasi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi sekali dalam tiap-tiap tahun sebagaimana kehendak seksyen 78 Akta.

## 12. PERUBAHAN DASAR


- 12.1. Sentiasa mematuhi perubahan dasar atau aturan semasa yang diputuskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau agensi yang berkaitan; dan
- 12.2. Mana-mana perubahan yang berlaku selepas Aturan Aktiviti ini diluluskan memadai dengan keputusan Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga atau Mesyuarat Khas Anggota Lembaga dan cabutan minit tersebut dilampirkan dengan Buku Aturan Aktiviti ini sebagai rujukan atau garis panduan.

## 13. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang pertikaian, perselisihan faham atas penafsiran dalam aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian ini hendaklah dirujuk kepada suruhanjaya mengikut Undang-undang Kecil Koperasi fasal 86 (1), (2) dan (3).



Samsudin bin Ismail  
Pengerusi Kehormat



Juhari bin Ismail  
Setiausaha Kehormat



Rohadi bin Jusoh  
Bendahari Kehormat

KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD  
BANGUNAN WISMA KOGURU,  
JALAN HILIRAN,  
21000 KUALA TERENGGANU

Tarikh : 05 SEPTEMBER 2023

**KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD**  
**WISMA KOGURU, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN**  
**CABUTAN MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO**  
**BULAN: 7 / 2023**

Tarikh: 18 Jun 2023

Waktu: 4.00 petang

Tempat: GM 16232 Lot 96266 Wakaf Tapai, Mukim Alur Limbat

**HADIR**

- |                               |   |                              |
|-------------------------------|---|------------------------------|
| 1. En. Din bin Yahya          | - | Pengerusi                    |
| 2. En. Mohd Sabri bin Salleh  | - | Pencatat                     |
| 3. Ustaz Aznordin bin Jahan   | - | AJK                          |
| 4. En. Mohd Rizam bin Muhamad | - | Pen. Eksekutif Unit K'Projek |

**TIDAK HADIR**

1. En. Marzilaini bin Muhamad
2. En. Wan Baderul Hisyam bin Wan Mat Ali

**AGENDA****1.0 UCAPAN PENERUSI**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang dapat hadir.
- 1.2 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat pada petang ini adalah untuk melawat, membincang dan membuat penilaian:
  - a. Pembelian 1 lot tapak stesen minyak iaitu GM 16232 Lot 96266 Wakaf Tapai, Mukim Alur Limbat (berkeluasan 2495 meter persegi, nilai RM1.6 juta).
  - b. Pembelian 'Houseboat' di Tasik Kenyir.
  - c. Simpanan Khas.
  - d. Simpanan Khas Pelaburan (Modal Ar Rahnu KOGURU).

**6.0 ANALISIS SWOT SIMPANAN KHAS PELABURAN (MODAL AR RAHNU KOGURU)**

<b>KEKUATAN</b>	<b>KELEMAHAN</b>
1. Mempunyai anggota yang ramai dan berpotensi menjadi peserta Simpanan Khas Pelaburan ini. 2. Anggota yang mempunyai wang khususnya Anggota Bersara Aktif boleh membuat pelaburan dan mendapat pulangan yang munasabah. 3. Koperasi mempunyai modal tambahan untuk membiayai modal Ar Rahnu yang memberi manfaat kepada pendapatan keseluruhan. 4. Simpanan Khas Pelaburan ini telah mendapat mandat daripada perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2022.	1. Penyertaan akan ditutup sekiranya modal Simpanan Khas Pelaburan anggota yang dilabur mencapai RM10,000,000.

<p>5. Anggota yang menyimpan dalam Simpanan Khas Pelaburan ini akan mendapat pulangan minima 3 % atau tertakluk kelulusan Lembaga dan keuntungan daripada Ar Rahn.</p> <p>6. Mendapat kelulusan daripada SKM.</p> <p>7. Pelaburan dalam sektor yang patuh syariah.</p>	
<b>PELUANG</b>	<b>ANCAMAN</b>
<p>1. Peluang koperasi membuat pelaburan tambahan dan tidak bergantung kepada pembiayaan daripada institusi kewangan seperti bank dan SKM.</p> <p>2. Anggota boleh membuat pelaburan dengan kadar sekurang-kurangnya RM1,000 dengan kadar maksimum RM10,000.</p> <p>3. Membolehkan koperasi membuka lebih banyak cawangan Ar Rahn.</p>	<p>1. Keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil boleh menjejaskan peluang pelaburan oleh koperasi.</p>

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

**(Mohd Sabri bin Salleh)**

Pencatat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

**(Din bin Yahya)**

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko



**LAPORAN PENILAIAN PEMATUHAN SYARIAH**

**KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD (TU0016)**

<b>DISEDIAKAN OLEH:</b> <b>MUHAMAD IZMUL NIZAM BIN ZUBAIRI</b> <b>PEGAWAI</b> <b>UNIT PEMATUHAN SYARIAH</b>	<b>DISEMAK OLEH:</b> <b>MOHAMAD AZAHARI BIN AHMAD</b> <b>PENGURUS</b> <b>UNIT PEMATUHAN SYARIAH</b>
--	--

## LAPORAN PENILAIAN PEMATUHAN SYARIAH

### A. PENDAHULUAN

Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad merupakan salah satu koperasi yang memohon untuk mendapatkan pengiktirafan Syariah daripada Jawatankuasa Syariah ANGKASA (JSA) melalui pembaharuan tempoh Sijil Pematuhan Syariah. Selaras dengan Garis Panduan (GP28) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), koperasi ini bertanggungjawab untuk menjadikan produk koperasi sebagai produk yang mematuhi praktis Syariah.

Dari segi aktiviti, koperasi ini menjalankan aktiviti kredit iaitu pembiayaan yang berasaskan Tawarruq, Qard dan Ar-Rahnu bagi produk-produk pembiayaan seperti berikut:

1. Pembiayaan Peribadi.
2. Pembiayaan Pelancongan.
3. Pembiayaan Wawasan.
4. Pembiayaan Khas.
5. Pembiayaan Hartanah.
6. Pembiayaan Takaful.
7. Pembiayaan Pendidikan.
8. Pembiayaan Kenderaan.
9. Pembiayaan Pelbagai.
10. Pembiayaan Panel.
11. Pembiayaan Pengguna
12. Pembiayaan Umrah
13. Pembiayaan 1 Malaysia
14. Pembiayaan Ar-Rahnu

Bil.	Jenis Pembiayaan	Kontrak Syariah	% daripada nilai marhun	Tempoh (Tahun)	Kadar Keuntungan (%)	Caj Proses (jika ada)
14.	Pembiayaan Ar-Rahnu	Ar-Rahnu + Tawarruq	80% daripada nilai marhun	6 Bulan	RM0.034 daripada RM100 jumlah pembiayaan.	Caj Penebusan (pengurusan) – RM 2.50 Caj Penebusan Lanjutan (pengurusan) – RM 10

Jenis Produk		Dokumentasi	Ulasan	Tempoh Kemaskini
Pembiayaan di bawah konsep Ar-Rahnu + Tawarruq.	1.	Surat Akuan Gadaian	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	
	2.	Borang / Notis Lelongan	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	
	3.	Borang Penebusan	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	

	4.	Perjanjian Pembiayaan	Koperasi menggunakan tajuk “Kontrak Jualan Murabahah” bagi menggantikan fungsi Perjanjian Pembiayaan, di mana dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	
	5.	Borang ‘Aqd / Wakalah	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	
	6.	Borang Wa’ad	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	
	7.	Sijil Komoditi	Dokumentasi transaksi semasa yang digunakan melalui platform Sistem Tawarruq telah memenuhi keperluan konsep praktis syariah semasa.	

## F. PENUTUP

Hasil dapatan dan penilaian Pematuhan Syariah ke atas struktur produk, operasi, prosedur, dokumentasi dan transaksi produk pembiayaan yang dijalankan melalui transaksi semasa di koperasi telah memenuhi keperluan praktis syariah semasa.

Namun, beberapa kemaskini perlu diambil tindakan oleh koperasi selaras dengan cadangan daripada Unit Pematuhan Syariah.



## STRATEGI PENGURUSAN BAGI CAWANGAN AR RAHNU WAKAF TAPAI

BIL	LANGKAH STRATEGIK	PROGRAM AKTIVITI / PROJEK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	PETUNJUK PRESTASI (KUANTITI)	SASARAN KERJA TAHUNAN (Kuantiti/ Kualiti/ Masa/ Kos)				PELAKSANA	KOS	HASILAN
					2022	2023	2024	2025			
	<b>PENGURUSAN</b>										
1	Pemeriksaan Pengurusan dan Pentadbiran	1. Latihan pembangunan kakitangan	Menghadiri kursus / latihan minima 2 kali setiap tahun	8	2	2	2	2	JK Cawangan		
		2. Mesyuarat Jawatankuasa	Menghadiri mesyuarat jawatankuasa minimum 12 kali setahun	48	12	24	32	48	JK Cawangan		
2	Memperkasakan Khidmat Anggota	1. Meningkatkan pembiayaan	Unjuran peningkatan RM1 Juta setahun	RM4 juta	RM1 Juta	RM1 Juta	RM1 Juta	RM1 Juta	JK Cawangan		
		2. Menambahkan keanggotaan	Sasaran anggota daerah Kuala Nerus	800	200	200	200	200	JK Cawangan		
		3. Memudahkan proses pelbagai permohonan	Membuat semakan kelayakan pembiayaan, penerimaan borang anggota dan menyampaikan maklumat tentang KOGURU	5000	500	1000	1500	2000	JK Cawangan		
3	Peningkatan Perkhidmatan dan Penyampaian Informasi	1. Promosi pemasaran produk pelbagai medium	Edaran media cetak - flyer, bunting dll	128	32	32	32	32	JK Cawangan & JK ICT		
			"Media sosial / maya FB, Telegram, IG, WhatsApp, Tik Tok"	1,440	360	360	360	360	JK Cawangan & JK ICT		
			Bersemuka dengan komuniti	576	144	144	144	144	JK Cawangan		
		2. Mempelbagaikan perkhidmatan	Pemeriksaan LADAP & kaunter ekspres	40	10	10	10	10	ALK & JK		
	AR-RAHNU										
1	Pengurusan Ar-Rahnu Yang Cekap dan Mahir	1. Bengkel, kursus dan latihan kepada pengurusan Ar-Rahnu dalaman atau luaran	Sekurang-kurang 2 kali setahun	8	2	2	2	2	ALK & Kakitangan	RM5 Ribu	